

## **Kurangkan 40% pelepasan karbon industri penerbangan**

---

LANGKAWI 22 Mac - Malaysia komited untuk mengurangkan 40 peratus pelepasan karbon dalam industri penerbangan negara menjelang 2020.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, industri itu yang kini berkembang pesat, dianggarkan menyumbang sebanyak 30 peratus daripada penghasilan karbon di dunia.

Sehubungan itu, beliau menyeru semua pihak terlibat agar bekerjasama mewujudkan industri penerbangan yang lebih mapan dengan penggunaan teknologi baharu pada masa depan.

"Industri penerbangan bukan sahaja berkaitan soal keselamatan tetapi juga kini dikaitkan dengan isu alam sekitar. Usaha untuk mengekalkan alam sekitar dalam industri penerbangan kini adalah satu kemestian dan bukannya pilihan.

"Permintaan terhadap pergerakan udara dan industri penerbangan yang semakin meningkat di seluruh dunia sudah pasti akan memberi kesan terhadap alam sekitar," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan Ucaptama Sidang Kemuncak ASEAN : Penerbangan Global Hijau dan Mapan sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2017 (LIMA (17) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarah Alam Sekitar Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO), Jane Hupe. Dalam majlis itu, pelbagai pihak berkepentingan termasuk menteri - menteri pengangkutan ASEAN, pemain industri dan lapangan terbang hadir untuk menentukan landskap terbaik sektor penerbangan pada masa depan.

---

**SUMBER : UTUSAN MALAYSIA | M/S: 7 | 23 MAC 2017**